



SIARAN MEDIA

PEMERKASAAN INOVASI PACU KPKT TINGKATKAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

PUTRAJAYA, 17 Oktober 2023 - Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah merasmikan Sambutan Hari Inovasi KPKT Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Kristal, KPKT pada pagi ini.

Penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) serta Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT diadakan pada setiap tahun bagi **mengiktiraf usaha, idea, kreativiti dan hasil projek inovasi warga Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)**. Ia bertujuan untuk menambah baik keberkesanan penyampaian perkhidmatan melalui penghasilan projek-projek inovasi yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Bertemakan '**Inovasi Memacu Kesejahteraan Malaysia MADANI**', KPKT komited dalam membudayakan dan memperkasakan inovasi dalam sektor awam selaras dengan hasrat Kerajaan Malaysia MADANI. Ia bertepatan dengan Pelan Strategik KPKT di bawah Teras 7 iaitu Melestari Modal Insan, Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan Yang Berkesan Secara Holistik.

Sambutan Hari Inovasi KPKT pada tahun ini memperlihatkan penyertaan yang menggalakkan bagi Kategori Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Anugerah Inovasi Menteri (AIM). Sebanyak **tujuh (7) kategori yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM70,000** telah dipertandingkan sempena Sambutan Hari Inovasi KPKT Tahun 2023 iaitu;

1. Anugerah Inovasi Menteri (AIM);
2. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK);
3. Anugerah Khas KIK;
4. Anugerah Pameran Terbaik KIK;
5. Anugerah Persembahan Terbaik KIK;
6. Anugerah Keceriaan Hiasan Merdeka (Kategori Bahagian dan Jabatan); dan
7. Anugerah Ekosistem Kondusif Sektor Awam.

Anugerah Inovasi Menteri merupakan pengiktirafan tertinggi yang dipertandingkan di peringkat KPKT. **Johan** pertandingan di bawah kategori **Anugerah Inovasi Menteri (AIM)** akan menerima hadiah **wang tunai sebanyak RM5,000 berserta piala dan sijil penyertaan**. Di samping itu, pemenang juga akan turut menerima **Geran Pemfailan Projek bernilai RM20,000** bagi menyokong usaha ke arah mentransformasikan sektor awam untuk menjadi lebih kompeten dan kompetitif. Manakala pemenang bagi **Naib Johan dan Tempat Ketiga** pula, masing-masing akan menerima **wang tunai sebanyak RM3,000 dan RM2,000 beserta Sijil Penghargaan**.

Penyertaan KIK bagi tahun 2023 melibatkan **190 orang** peserta dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, PLANMalaysia serta SWCorp dari seluruh negara. **Konvensyen telah berlangsung pada 15 dan 16 Oktober 2023** dan dinilai oleh tiga (3) orang panel juri dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan Kolej Vokasional Ampangan.

Penganjuran Konvensyen KIK dan Sambutan Hari Inovasi KPKT bagi tahun 2023 ini diharapkan dapat memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti secara meluas dalam kalangan warga KPKT. Inovasi yang signifikan berupaya memberi impak yang besar kepada perkembangan dan kemajuan organisasi seterusnya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan KPKT.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

